

NOVEL HEMPASAN OMBAK

Arahan soalan, isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai.



Latar Masyarakat

Novel yang saya kaji ialah Hempasan Ombak karya Zailani Taslim. Terdapat beberapa latar masyarakat yang terdapat dalam novel ini yang pertama ialah **Masyarakat peniaga**. Contohnya Farid, Zuraida, Mokhsein dan Mukhtar seorang yang terlibat dalam perniagaan _____.

Seterusnya ialah **Masyarakat yang gigih berusaha**. Contohnya Farid berusaha dengan gigih untuk membangunkan syarikat batik warisan _____ keluarganya.

Selain itu, **Masyarakat yang mementingkan ilmu**. Contohnya Moksein menyarankan agar Farid mengikuti kursus - kursus dalam perniagaan supaya dapat meningkatkan pengetahuan dalam pengurusan syarikat. Manakala Zuraidah pula melanjutkan _____ dalam bidang Pentadbiran Perniagaan di UiTM Dungun walaupun dia sudah memiliki kedai.

Seterusnya, **Masyarakat hidup saling membantu**. Contohnya Mokhsein dan Zuraida sering membantu Farid dalam _____ perniagaan seperti memberikan cadangan yang membina.

Selain itu, **Masyarakat yang sanggup berkorban**. Contohnya Hajah Zaoyah sanggup menggadaikan barang-barang _____ miliknya untuk dijadikan modal dalam membangunkan perusahaan batik yang diwarisi anaknya.

Seterusnya, **Masyarakat yang dengki**. Contohnya, Mukhtar yang dengki kepada Farid sanggup _____ perusahaan Farid agar dapat menyingkirkan pesaingnya di dalam pasaran batik.

Akhir sekali, **Masyarakat yang kreatif dan inovatif**. Contohnya, Hartini menggunakan daya kreativiti untuk menghasilkan _____ batik dan mempelbagaikan kegunaan batik sebagai pakaian, perabot dan penghias dinding.